

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERLETAKKAN BATU ASAS WISMA YATIM PEREMPUAN ISLAM PULAU
PINANG
Lokasi : JALAN SCOTLAND, PULAU PINANG
Tarikh : 30-10-1983

Tuan Haji Mohd. Yussof Latiff, Yang di-Pertua Persatuan Kebajikan Kaum Islam Pulau Pinang
merangkap Pengerusi Wisma Yatim Islam Pulau Pinang;

Dato-Dato dan Datin-Datin;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dulu marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Illahi, yang atas limpah rahmatNya, telah membolehkan kita berkumpul pada petang ini dalam suasana aman dan damai, untuk melaksanakan satu lagi kerja amal bagi umat Islam. Mudah-mudahan Allah sentiasa memberikan kita petunjuk ke jalan yang benar, menjadikan kita umat yang beramanah dan berjaya, dan merestukan usaha kita ini supaya berkat dan sempurna.

2. Seterusnya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Kebajikan Kaum Islam Pulau Pinang yang telah memberikan penghormatan kepada saya untuk merasmikan Upacara Perletakan Batu Asas Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

3. Usaha membantu anak-anak yatim adalah suatu amal kebajikan yang sangat mulia, suatu amalan yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala, suatu tanggungjawab sosial yang perlu kita laksanakan demi untuk kesejahteraan hidup kita bersama. Pendek kata, sama ada dari segi agama mahupun dari segi kemasyarakatan, usaha membantu dan menjaga anak-anak yatim adalah menjadi kewajipan kita semua. Ini adalah amalan agama dan tanggungjawab sosial yang mesti kita laksanakan menurut keadaan dan kemampuan kita masing-masing. Sebagai seorang Islam, saya percaya, tiada sesiapa pun antara kita yang sanggup melihat anak-anak yatim kita terbiar, tidak mendapat jagaan dan pendidikan yang sempurna.

4. Al-Quran dalam Surah Alma'un menegaskan: "Tahukah kamu, orang yang mendustakan agama, itulah orang yang tidak memperdulikan anak yatim dan tidak menganjurkan untuk memberi makan kepada orang miskin". Selain daripada itu, di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat yang memberikan perintah yang amat berat dan amat tegas, berkaitan dengan penjagaan anak-anak yatim. Antara ayat-ayat itu menegaskan bahawa anak yatim yang berharta pun wajib dijaga dengan sebaik-baiknya, apatah lagi anak-anak yatim yang miskin. Junjungan Besar kita, dalam sebuah hadisnya menegaskan bahawa "Aku dan orang yang menanggung anak yatim, sama-sama di dalam syurga".

5. Maka pada kesempatan yang menggembirakan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang telah menunaikan tugas dan tanggungjawabnya dengan memperuntukkan sebidang tanah untuk dijadikan tapak bangunan Wisma Yatim ini. Saya percaya, kerajaan Negeri Pulau Pinang dan seluruh anggota masyarakat, khususnya masyarakat Islam di Pulau Pinang ini, akan terus memberikan sumbangan bagi memastikan agar anak-anak yatim perempuan yang akan ditempatkan di wisma ini akan mendapat jagaan dan pendidikan yang sempurna.

6. Saya berharap pihak pengurus wisma ini, akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan supaya anak-anak kita yang ditempatkan di wisma ini, akan besar menjadi gadis-gadis dan seterusnya ibu-ibu, yang rajin dan berdisiplin, amanah dan cintakan hidup yang aman damai. Salah satu asuhan yang mudah dan perlu dilakukan ialah amalan kebersihan - kebersihan tubuh badan, pakaian dan alat perkakas, bilik tidur dan dewan makan, kawasan tempat belajar dan tempat tinggal. Wisma ini perlu menekankan amalan ini supaya ia kekal menjadi tabiat bagi setiap penghuninya. Tempat-tempat dan alatan yang perlu hendaklah disediakan supaya anak-anak kita itu dapat mempraktikkan amalan menjaga kebersihan dengan mudah setiap masa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Terlanjur saya menyentuh soal pendidikan, sukacitalah saya mengingatkan, bahawa kewajipan kita mendidik anak-anak, nampaknya semakin hari menjadi semakin rumit dan semakin berat. Hampir setiap hari, akhbar-akhbar kita menyiarkan bermacam-macam kelakuan anti-sosial, kisah-kisah keruntuhan akhlak dan perbuatan jahat, bahkan perbuatan-perbuatan jenayah, dilakukan oleh anak-anak muda kita, termasuk yang masih di bangku sekolah. Akhir-akhir ini, terdapat pula kumpulan-kumpulan sulit pelajar-pelajar yang bertindak dan menjalankan aktiviti-aktiviti ala gangster. Oleh sebab itu, kewajipan ibu-bapa dan guru-guru serta pengurus-pengurus asrama, tidaklah seharusnya ditumpukan kepada pakaian, makanan, kesihatan tubuh badan dan kejayaan pelajar-pelajar dalam peperiksaan semata-mata. Perhatian yang lebih berat dan lebih bersungguh-sungguh hendaklah diberikan terhadap pendidikan akhlak, pembinaan sikap dan semangat, sesuai dengan tata-susila bangsa, tuntutan agama, kehendak masyarakat dan negara.

8. Matlamat yang menjadi cita-cita kita, bukan saja untuk membentuk individu-individu yang berjaya, tetapi juga membentuk anggota masyarakat yang sentiasa mengambil berat dan merasa ikut bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan jiran tetangga, masyarakat dan negara. Anak-anak kita perlulah diasuh supaya mencintai dan mengamalkan nilai-nilai yang baik, positif dan mulia, iaitu nilai-nilai yang boleh memberikan kekuatan, kemajuan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara.

9. Dalam dunia yang terbuka dan kemajuan komunikasi atau perhubungan yang sangat hebat seperti sekarang ini, masyarakat kita dan anak-anak kita terdedah kepada bermacam-macam pemikiran dan kegiatan yang negatif, yang jahat dan merosakkan, yang anti-sosial dan terlalu mementingkan diri. Semua ini menjadikan tugas ibu-bapa, guru, pengurus-pengurus asrama dan pemimpin-pemimpin masyarakat lebih sulit dan lebih mencabar. Dan untuk membolehkan kita menjalankan tugas yang berat ini dengan sempurna, kita semua perlulah mengambil sikap dan pendirian yang lebih tegas, dan juga perlu menggunakan cara-cara yang sesuai untuk berhadapan dengan cabaran baru itu.

10. Salah satu cara yang paling baik dan paling berkesan ialah dengan memberikan pimpinan serta asuhan melalui teladan. Ibu-bapa, guru-guru dan pengurus-pengurus serta pekerja-pekerja di sekolah dan di asrama, hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik - bukan dengan cakap-cakap saja, tetapi juga dengan perbuatan. Kita semua perlulah mendisiplinkan diri, mengawal tingkah laku, supaya kita tidak berbuat yang berlawanan dengan apa yang kita cakapkan. Jika kita benar-benar ingin supaya anak-anak kita menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan, tidak melakukan perbuatan-perbuatan buruk seperti menghisap rokok dan tidak jujur, tidak sopan dan tidak amanah; maka kita mestilah menunjukkan semua itu dengan teladan yang kita sendiri amalkan. Insya-Allah, jika kita mengamalkan cara pimpinan dan asuhan melalui teladan, sebahagian daripada tugas utama kita sebagai ibu-bapa, guru dan pengurus asrama sudahlah terlaksana.

11. Maka dengan harapan itu, marilah kita sekali lagi sama-sama berdoa ke hadrat Ilahi, memohon restu, supaya Wisma Yatim ini akan dapat didirikan dengan selamat dan sempurna.

Wabillahi Taufik, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.